

Majlis Perpisahan

**En. Mohd Noor Mohd Ali (Persaraan) &
Pertukaran Kampus 7 Pensyarah Fizik**
Disediakan oleh :

Nur Maizatul Azra Mukhtar



Majlis sambutan Hari Raya JSG yang berlangsung pada 2 Julai 2019 (Selasa) turut meraikan Majlis Perpisahan 8 orang Pensyarah Fizik, yang terdiri daripada En. Mohd Noor Mohd Ali, Muhammad Firdaus Othman, Siti Hajar Khalid, Nurul Nazwa Mohamad, Nor Faranaz Shamin Nor Azmi, Norha Abdul Hadi, Madhiyah Yahya Bermakai dan Siti Hajar Mohmad Salleh.

Majlis perpisahan En Mohd Noor adalah sempena persaraan beliau. Beliau yang telah berkhidmat lebih dari 15 tahun di UiTM Cawangan Pulau Pinang pernah menjawat jawatan sebagai Koordinator di Jabatan Sains Gunaan.

Majlis ini turut meraikan perpisahan 7 orang pensyarah fizik yang terlibat dengan pergerakan perpindahan ke beberapa kampus cawangan yang lain. Pergerakan ini berlaku bermula daripada bulan Ogos 2019 dan melibatkan 4 buah kampus cawangan, iaitu UiTM Cawangan Arau, Jengka, Tapah dan Kota Kinabalu.

Sesungguhnya perpisahan itu amat memilukan dan sebuah kenyataan yang berat untuk diterima. Namun apa yang berlaku adalah dalam perancangan Allah sw.t. Setiap pertemuan tetap akan ada perpisahan. Semoga setiap daripada mereka yang melangkah pergi dikurniakan kesihatan yang baik serta sentiasa dimurahkan rezeki walau di mana mereka ditempatkan.

Terima kasih duhai teman. Jasa dan budi kalian tidak akan pernah kami lupakan.

Salam Perpisahan Buatmu Teman



Tuati padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Intai kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan

